



International Journal of World Civilizations and Philosophical Studies
(IJWCPS)
Universiti Sains Malaysia
<https://ejournal.usm.my/ijwcps/>
e-ISSN: 3030-5071
Volume 5 September 2026: 1-23

Submission date: 22.02.2026 Accepted date: 02/03/2026 Published date: 01/09/2026

Teori Kitaran Tamadun Ibn Khaldun: Analisis terhadap Tamadun Mesir Purba *(Ibn Khaldun's Theory of Civilizational Cycles: An Analysis of Ancient Egyptian Civilization)*

Sharan Syahmi Sharif
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Mohd Syahmir Alias*
Universiti Sains Malaysia

Aiza Maslan@Baharudin
Universiti Sains Malaysia

***Corresponding author: syahmir@usm.my**

Abstrak

Makalah ini bertujuan mengenal pasti prinsip asas teori kitaran tamadun yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun dalam Muqaddimah serta menerapkannya dalam analisis terhadap perkembangan Tamadun Mesir Purba. Menurut Ibn Khaldun, sesebuah tamadun lazimnya melalui beberapa fasa utama, iaitu pembinaan dinasti, peluasan kekuasaan, kemuncak kegemilangan, kemerosotan dan akhirnya kehancuran. Persoalan utama kajian ini ialah sejauh manakah kerangka teori tersebut dapat digunakan untuk menilai dinamika sejarah Tamadun Mesir Purba. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis teks terhadap sumber sekunder yang berkaitan dengan pemikiran Ibn Khaldun serta sejarah Mesir Purba. Hasil analisis menunjukkan bahawa pola perkembangan tamadun yang diuraikan oleh Ibn Khaldun mempunyai kesejajaran tertentu dengan perjalanan sejarah Mesir Purba, khususnya dalam aspek pembentukan kuasa politik, pengukuhan pemerintahan dan

kemerosotan institusi pemerintahan. Konsep *'aṣabiyyah* didapati memainkan peranan penting dalam pembinaan serta kelangsungan sesebuah dinasti, manakala kemewahan berlebihan, konflik dalaman dan kelemahan kepimpinan menyumbang kepada proses kemerosotan. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa teori kitaran tamadun Ibn Khaldun masih relevan sebagai kerangka analisis dalam memahami dinamika kebangkitan dan kejatuhan tamadun dalam konteks sejarah.

Kata Kunci: Ibn Khaldun, teori kitaran, tamadun Mesir Purba, kajian ketamadunan, falsafah sejarah.

Abstract

This article aims to identify the fundamental principles of Ibn Khaldun's theory of civilizational cycles as outlined in the *Muqaddimah* and to apply them to the analysis of the development of ancient Egyptian civilization. According to Ibn Khaldun, a civilization usually goes through several key phases: the establishment of a dynasty, territorial expansion, peak prosperity, decline, and eventual collapse. The main question this study addresses is how well Ibn Khaldun's theoretical framework can explain the historical dynamics of ancient Egypt. This research uses a qualitative approach, focusing on textual analysis of secondary sources on Ibn Khaldun's ideas and Egyptian history. The results show that the stages of Ibn Khaldun's cyclical theory align with the historical trajectory of ancient Egyptian civilization, particularly in the formation of political authority, the consolidation of rule, and institutional decline. The concept of *'aṣabiyyah* seems to be vital in establishing and maintaining dynasties, while excess luxury, internal conflicts, and weak leadership contribute to decline. Overall, the study demonstrates that Ibn Khaldun's theory of civilizational cycles remains a useful framework for understanding the rise and fall of civilizations throughout historical contexts.

Keywords: Ibn Khaldun, cyclical theory, Ancient Egyptian civilization, civilizational studies, philosophy of history.

Pengenalan

Perbincangan mengenai tamadun ini merupakan salah satu perbincangan yang mencakup ruang lingkup yang amat luas. Hal ini dapat dilihat melalui perkara utama perbincangan yang menjelaskan mengenai aspek-aspek wujudnya perkembangan atau kemajuan dalam sesebuah keadaan masyarakat. Takrif mengenai tamadun ini sememangnya tidak dapat dinafikan mempunyai perbezaan dalam aspek-aspek tertentu berdasarkan kepada sudut pandang yang digunakan. Hal ini dapat dijelaskan melalui perbandingan antara takrif tamadun ini dalam konteks sarjana Islam dan Barat. Kedua-dua takrif mengenai tamadun ini memberikan takrif yang cukup berbeza khususnya dalam aspek tertentu seperti asas pembentukan sesebuah ketamadunan dan ciri yang perlu dalam sesebuah masyarakat yang bertamadun. Perbandingan mengenai konsep ini akan dilakukan berdasarkan dua sudut pandang tersebut untuk memberikan penjelasan yang lebih menyeluruh agar konsep ini lebih difahami dengan jelas.

Tamadun merupakan kata yang diambil daripada bahasa Arab yang berasal dari kata *maddanna*, *mudāwanah* dan *madanīyyan*. Pekara ini dapat dilihat melalui penulisan para sarjana di dalam karya mereka bagi membincangkan tamadun seperti Ibn Khaldun menggunakan istilah *'umrān* dan *ḥaqdārah*, Muhammad Abduh menggunakan *madaniyyah*, dan Jurji Zaydan menggunakan istilah tamadun yang kemudiannya digunakan di dalam bahasa Melayu (Lutpi Ibrahim, 1993, p. 3). Dalam konteks tamadun Islam, perkara ini tidak hanya menggariskan perkembangan yang dicapai oleh kelompok masyarakat Islam dalam bidang yang tertentu sebaliknya turut meletakkan beberapa perkara seperti akidah, undang-undang, akhlak, falsafah, peradaban dan kebudayaan (Lutpi Ibrahim, 1993: 4). Sebaliknya perkara ini berbeza dengan definisi yang dikemukakan oleh sarjana Barat bagi mentakrif istilah tamadun ini yang disebutkan sebagai *civilization* yang merupakan kata yang diambil daripada bahasa Latin sebagai *city* atau *civitas* dan kemudiannya dikembangkan di Eropah pada abad ke-18 sebagai *civilization* bagi menerangkan perkembangan sesebuah masyarakat (Che Haslina Abdullah, 2013, p. 201). Definisi yang dikemukakan oleh tamadun Barat ini hanya menekankan perkembangan terutamanya dari segi fizikal melalui peninggalan monumen dan catatan semata-mata.

Dalam kata lain, ukuran masyarakat yang bertamadun dalam istilah Barat ini adalah berdasarkan perkembangan dari segi seni bina monumen, tulisan, kebudayaan dan perkara-perkara yang dapat membezakan sesebuah masyarakat daripada masyarakat yang primitif atau mundur. Hal ini demikian kerana istilah tamadun yang dikemukakan oleh kedua-dua tamadun tersebut menyebutkan mengenai perkembangan dan pencapaian sesebuah masyarakat yang lebih maju. Namun, perbezaan yang jelas di dalam kedua-dua definisi tersebut adalah dari segi aspek-aspek yang terdapat dalam takrifnya. Perkara ini disebutkan bahawa takrif tamadun *ḥaḍārah* adalah berfokuskan mengenai perkembangan kehidupan, berbeza dengan tamadun *madanīyyah* yang memberikan penumpuan terhadap aspek kebendaan, malah penulisan Syeikh Muhammad Abduh yang menggunakan takrif tamadun Barat sebagai tamadun *madaniyyah* jelas memperlihatkan perbezaan yang wujud bagi kedua-dua tamadun ini (Lutpi Ibrahim, 1993, p. 3-4). Melalui hal ini, jelas bahawa perkembangan sesebuah kelompok masyarakat sememangnya menjadi tumpuan utama dalam menerangkan makna tamadun itu, namun perbezaan dari segi aspek yang perlu wujud di dalam sesebuah tamadun adalah berbeza berdasarkan sudut pandang yang berlainan.

Karya *Muqaddimah* merupakan bahagian pengenalan bagi karya Ibn Khaldun yang berjudul *Kitāb al-ʿIbar*. Bahagian ini memberikan penjelasan yang bersifat menyeluruh melalui perbincangan terhadap perkara-perkara yang melibatkan manusia berdasarkan penilaian melalui sejarah, ketamadunan, cara hidup dan keadaan alam sekelilingnya. Malah, *Muqaddimah* ini turut memperlihatkan idea Ibn Khaldun melalui perbincangan dan kritikan terhadap pemikiran golongan ilmuwan khususnya berhubung dengan disiplin sejarah yang memerihalkan peristiwa yang direkodkan dan justifikasi terhadap peristiwa atau perkara tertentu yang telah dicatatkan di dalam karya mereka. Karya ini mengandungi enam bab utama yang memperincikan bahagian-bahagian tersebut secara lebih tersusun bagi memudahkan perkaitan antara bahagian tersebut dijelaskan. Bab pertama adalah berkenaan tamadun secara umum yang membincangkan kedudukan geografi dan kecenderungan manusia berdasarkan perkara tersebut. Bab kedua memperincikan mengenai kehidupan masyarakat dalam membentuk kekuasaan sebagai pemerintah. Bab ketiga lebih memfokuskan kepada dinasti yang memerintah secara lebih mendalam. Bab keempat pula menjelaskan mengenai budaya dan cara hidup sesebuah masyarakat yang menetap atau disebut sebagai

ḥadārah atau *sedentary*. Bab ini diikuti dengan bab kelima mengenai aspek kehidupan berdasarkan pelbagai sektor pekerjaan bagi memperincikan secara lebih jelas bab sebelumnya. Akhir sekali, bab keenam memberikan tumpuan kepada ilmu dan aspek-aspek yang berkaitan dengannya seperti karya sarjana, bahasa dan kajian.

Makalah ini berhasrat mengenal pasti teori kitaran tamadun yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun dalam karya *Muqaddimah*. Seterusnya, menganalisis tamadun Mesir purba menggunakan teori kitaran ketamadunan Ibn Khaldun. Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif yang menggabungkan kaedah kajian kepustakaan dan analisis teks bagi meneliti penerapan teori kitaran tamadun Ibn Khaldun terhadap tamadun Mesir Purba. Kaedah ini membolehkan pengumpulan dan penganalisan data daripada sumber yang berkaitan dengan pemikiran Ibn Khaldun serta perkembangan Tamadun Mesir Purba. Kaedah kajian kepustakaan dibuat dengan melibatkan penelusuran literatur secara sistematik terhadap teks Ibn Khaldun, *Muqaddimah*, dan kajian-kajian semasa mengenai tamadun Mesir Purba. Sumber-sumber tersebut dipilih berdasarkan tahap kerelevanan ilmiah (Saunders, Lewis & Thornhill, 2009). Dalam *Muqaddimah*, perkara yang dikenal pasti ialah teori kitaran yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun yang kebanyakannya disebutkan secara jelas dalam bab dua dan tiga. Perkara ini kemudiannya diperluaskan lagi bagi menilai teori ini dengan tamadun Mesir Purba yang merupakan salah satu tamadun yang unggul di dunia. Kaedah analisis teks digunakan dengan menekankan pembacaan secara teliti dan kritis bagi mengenal pasti pola pemikiran dalam teks. Pendekatan ini membolehkan pengkaji meneliti konsep-konsep utama seperti '*aṣabiyyah*', pembentukan kuasa politik dan perkembangan tamadun sebagaimana yang diuraikan oleh Ibn Khaldun, seterusnya mengaitkannya dengan trajektori sejarah Tamadun Mesir Purba (Kiger & Varpio, 2020).

Teori Kitaran Tamadun Ibn Khaldun

Teori kitaran dalam tamadun yang dipelopori oleh Ibn Khaldun di dalam karya *Muqaddimah* merupakan salah satu falsafah sejarah yang mendapat perhatian dalam kalangan sarjana sehingga kontemporari ini. Hal ini demikian kerana teori tersebut tidak hanya mengangkat Ibn Khaldun sebagai seorang tokoh ilmuwan yang terkemuka, malah secara langsung

membantu memperkembangkan disiplin ilmu khususnya bidang-bidang yang berkaitan dengan teori tersebut. Teori kitaran tamadun ini dapat dijelaskan melalui perbincangan setiap fasa atau peringkat melalui penelitian aspek-aspek tertentu. Fasa yang terdapat di dalam teori kitaran ini dapat dipecahkan kepada lima tahap atau peringkat dalam sesebuah tamadun (Ahmad Tahoha, 1996). Sebelum membincangkan fasa-fasa tersebut terdapat istilah yang sering disebutkan di dalam penulisan Ibn Khaldun ini iaitu *'aṣabiyyah*. Kalimat *'aṣabiyyah* diterjemahkan secara langsung oleh Franz Rosenthal sebagai *group feeling*. Namun demikian, terdapat beberapa sarjana yang menterjemahkan *'aṣabiyyah* sebagai *social solidarity* atau *social cohesion* bagi memperlihatkan penyatuan dalam pemikiran dan tindakan (Garisson, 2012, p. 34). Dengan kata lain *'aṣabiyyah* ini lebih sesuai ditakrifkan sebagai semangat kekitaan berbanding takrifan terus sebagai semangat perkauman atau kesukuan. Hal ini demikian kerana takrif semangat kekitaan ini mempunyai keupayaan untuk dikembangkan bagi membentuk sebuah penyatuan dalam konteks yang lebih besar berbanding takrif semangat perkauman yang dapat dikatakan bersifat statik disebabkan takrifnya hanya terhad kepada sesebuah kelompok sahaja. Perkara ini dapat dikaitkan dengan perbincangan yang dilakukan oleh Ibn Khaldun di dalam *Muqaddimmah* yang memperincikan bahawa pembentukan *al-mulk* atau *royal authority* atau kuasa memerintah adalah melalui penyatuan pelbagai kelompok bagi melahirkan sebuah kelompok yang superior berlandaskan konsep *'aṣabiyyah* yang lebih besar (Ibn Khaldun, 1967, p. 284). Dalam perkara ini jelas bahawa konsep ini dapat mengalami proses peluasan dan konsep ini merupakan salah satu aspek penting di dalam setiap fasa yang terdapat dalam kitaran tamadun.

(a) Fasa Pertama: Pembinaan Dinasti

Fasa pertama yang disebutkan sebagai fasa pengasasan atau fasa pembentukan pemerintahan merupakan sebuah fasa yang memperlihatkan tempoh kejayaan sesebuah kelompok yang berjaya menguasai kekuasaan sebelumnya atau permulaan sesebuah kekuasaan. Peringkat ini memperlihatkan pemimpin menjadi contoh kepada masyarakat dalam pelbagai aspek, khususnya dari segi akhlak dan sahsiah diri yang baik, seperti tidak mementingkan diri, mempunyai kuasa yang terhad untuk perkara-perkara tertentu, bersopan santun, *asabiyyah* yang tinggi dalam kalangan masyarakat tersebut bersama pemimpinnya, setia kepada agama

dan tradisi (Önder & Laşa, 2018). Pemilihan pemimpin ini, dijelaskan oleh Ibn Khaldun, adalah berdasarkan kekuatan semangat *'aṣabiyyah* sesebuah kelompok. Penentuan pemimpin pada fasa awal ini dijelaskan oleh Ibn Khaldun adalah berdasarkan kualiti personaliti seorang manusia, iaitu personaliti yang mempunyai nilai-nilai kebaikan dan bukannya personaliti yang bersifat kebinatangan yang dipenuhi dengan kejahatan (Ibn Khaldun, 1967, p. 292-293). Pemimpin yang dipilih dari kalangan kelompok tertentu tidak hanya bertujuan untuk memimpin sebuah kelompok sahaja, malah turut bertujuan membentuk kelompok yang lebih besar dan *superior* berbanding kelompok yang lain bagi mengekalkan *royal authority* agar dapat menyatukan kelompok-kelompok lain yang berada di bawah pengaruhnya (Ibn Khaldun, 1967, p. 284).

Sehubungan dengan itu, kemampuan pemimpin tersebut seharusnya tidaklah semata-mata hanya mampu memimpin kelompok yang terdapat di bawahnya sahaja, sebaliknya mampu untuk mengekalkan penyatuan dalam kalangan kelompok tersebut walaupun terpaksa memerintah menggunakan paksaan bagi tujuan menjamin kelangsungan semangat *'aṣabiyyah* kelompok tersebut. Perkara ini dapat diperjelaskan lagi berdasarkan kepelbagaian kelompok yang mempunyai semangat *'aṣabiyyah* tersendiri perlu memberikan kesetiaan terhadap sebuah institusi pemerintahan atau kuasa yang berada di peringkat lebih tinggi, khususnya kelompok yang superior memiliki perkara tersebut atau yang disebutkan dengan *royal authority*. Pada fasa ini, bagi dinasti atau pemerintahan yang baru dibentuk, ini memperlihatkan permulaan kepada konsep pemerintah dan subjek, namun perkara ini berbeza sekiranya fasa ini dilalui oleh dinasti atau pemerintahan yang menggantikan pemerintahan sebelumnya. Hal ini demikian kerana peralihan kekuasaan atau *royal authority* ini kepada pemerintah yang baharu adalah disebabkan oleh persetujuan daripada kelompok-kelompok yang berada di bawah pemerintahan sebelumnya sebagai subjek yang mengambil keputusan untuk memberikan *royal authority* kepada kelompok yang lebih tinggi.

(b) Fasa Kedua: Peluasan Kekuasaan Dinasti

Kemudian, fasa kedua adalah fasa penguasaan yang diperlihatkan melalui perkembangan dan peluasan kuasa pemerintah melebihi fasa sebelumnya. Dalam fasa ini turut diperlihatkan pemerintah mula memilih individu yang

benar-benar dipercayainya dari segi kesetiaan disebabkan kebimbangannya terhadap kelompoknya sendiri untuk merampas kuasa atau *royal authority* yang dimilikinya (Ibn Khaldun, 1967, p. 372). Dengan kata lain, pemimpin yang merupakan pemerintah dinasti pada fasa ini mula menuntut segala perkara yang berkaitan dengan kekuasaan dan pengaruh kepada dirinya sahaja. Perkara ini secara tidak langsung menunjukkan lahirnya budaya *nepotisme* dalam institusi pemerintahan kerana golongan yang dipilih menjadi pembantu pemerintah berdasarkan kesetiaan mereka semata-mata dan pemberian pelbagai ganjaran seperti jawatan, pangkat dan harta serta penghormatan dilakukan demi menjamin kesetiaan dan sokongan golongan tersebut. Hal ini tidak dapat disangkal lagi bahawa keinginan pemerintah yang memiliki *royal authority* atau kekuasaan ini menghendaki kesetiaan daripada setiap individu, mempunyai kuasa yang mutlak, mempunyai institusi ketenteraan yang kuat (Önder & Laşa, 2018). Perkara-perkara ini adalah bertujuan untuk memastikan matlamat utama pemerintah sebagai *royal authority* dapat dikekalkan sebagai kelompok yang lebih tinggi demi menjamin kelangsungan pemerintahan tersebut.

Fasa ini juga menunjukkan semangat '*aşabiyyah* yang semakin berkembang dalam ruang yang lebih besar. Hal ini berkait rapat dengan peluasan wilayah kekuasaan dinasti atau pemerintahan tersebut yang semakin berkembang dalam pelbagai aspek, khususnya dari segi keluasan geografinya yang merangkumi berbagai kelompok masyarakat, yang telah meluaskan lagi '*aşabiyyah* dinasti tersebut. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas melalui interaksi yang wujud antara kelompok di dalam dinasti tersebut dengan kelompok yang sebelumnya mempunyai '*aşabiyyah* tersendiri. Misalnya, interaksi yang wujud antara kelompok yang telah kalah dapat diperlihatkan melalui pemberian sokongan kepada pemerintah, iaitu kelompok yang menang, melalui kesetiaan dan penghormatan sebagai subjek di bawah pemerintahan tersebut (Ibn Khaldun, 1967, p. 285). Interaksi tersebut telah meluaskan lagi '*aşabiyyah* kepada peringkat yang lebih besar dengan penggabungan '*aşabiyyah* kelompok yang kalah melalui sokongan dan kesetiaan kepada pemerintah yang memiliki kuasa diraja atau *royal authority* serta sebagai kelompok yang lebih tinggi. Melalui perkara ini dapat diringkaskan bahawa fasa kedua dalam kitaran ketamadunan Ibn Khaldun adalah fasa yang memperlihatkan bahawa matlamat utama pembentukan institusi politik yang meletakkan kuasa diraja bagi tujuan menyatukan masyarakat di

bawah sebuah kuasa telah beralih bermatlamatkan memperkukuhkan dan meluaskan wilayah pengaruh dan kekuasaannya.

(c) Fasa Ketiga: Kegemilangan Dinasti

Seterusnya, fasa yang signifikan berkaitan dengan aspek-aspek kegemilangan, keamanan dan kesejahteraan yang dinikmati oleh pemerintah dan masyarakat sesebuah kerajaan atau dinasti. Fasa ini merupakan kemuncak kepada perkembangan dalam pelbagai aspek termasuklah aspek ilmu pengetahuan yang merangkumi berbagai disiplin. Ibn Khaldun (1986) menyebutkan bahawa tahap ini merupakan tahap yang terakhir untuk memerintah secara mutlak. Malah perkara ini turut dikemukakan oleh Ibn Khaldun sendiri bahawa fasa ini merupakan fasa segala perkembangan terhenti dan merupakan peralihan fasa ke arah kemunduran dan kemerosotan (Ibn Khaldun, 1967, p. 292). Semasa fasa ini, perkara yang jelas diperlihatkan adalah lahirnya kehidupan yang bersifat *ḥadārah*, malah pertahanan negara, kewangan dan ekonomi negara adalah kukuh serta segala usaha dilakukan bagi menjamin kelangsungan perkembangan sesebuah tamadun (Önder & Laşa, 2018). Perkembangan dalam pelbagai aspek ini merupakan salah satu kegemilangan bagi sesebuah tamadun, namun permasalahan utama yang diketengahkan oleh Ibn Khaldun di dalam fasa ini adalah masalah yang timbul disebabkan oleh kehidupan budaya bandar dan menetap ini yang mempengaruhi *‘aṣabiyyah*, kepimpinan dan keperibadian masyarakat sesebuah tamadun. Dalam fasa kegemilangan yang diwarnai dengan keamanan ini secara tidak langsung menjadi tempoh lahirnya penyakit-penyakit dalam sesebuah tamadun yang akan membawa kepada fasa seterusnya. Melalui hal ini jelaslah bahawa fasa ini merupakan fasa kemuncak atau peringkat sesebuah dinasti menjadi matang dalam segala aspek sebelum beralih kepada fasa kemerosotan.

(d) Fasa Keempat: Kejatuhan dan Kemerosotan Dinasti

Fasa berikutnya adalah fasa yang memperlihatkan merosotnya sesebuah dinasti setelah mencapai perkembangan kemuncak di fasa sebelumnya. Dalam fasa ini diperlihatkan bahawa pemerintah dan masyarakat mula merasa leka disebabkan perkembangan dan keselesaan yang telah mereka nikmati. Di dalam fasa ini tidak diperlihatkan sebarang perkembangan

seperti fasa sebelumnya, sebaliknya, pada fasa inilah bermulanya kemerosotan yang akan membawa ke arah kemunduran dalam tamadun. Dinyatakan dalam fasa ini oleh Önder dan Laşa (2018) bahawa pemerintah pada fasa ini lemah dari pelbagai aspek, terutamanya aspek kepimpinan, kelalaian terhadap kehidupan serba mewah, struktur pemerintahan yang tidak cekap, kehilangan sifat berani dan tidak berkeinginan untuk pergi berperang bagi melindungi tanah air. Pada fasa inilah penyakit-penyakit yang dapat merosakkan sesebuah tamadun jelas tampak lahir di dalam sesebuah tamadun.

Hal ini tidak hanya dapat dilihat dalam kalangan pemerintah, malah juga dalam kalangan masyarakat sesebuah tamadun. Penyakit tamadun ini tumbuh disebabkan oleh perkara-perkara yang negatif, khususnya akhlak dan sahsiah diri dalam kalangan pemerintah dan masyarakat yang dipengaruhi oleh kehidupan mewah. Peralihan cara kehidupan daripada kehidupan yang dikaitkan dengan *badāwah* atau *savage nation* kepada *hadārah* yang mengutamakan kemewahan menjadi punca kemerosotan sesebuah dinasti. Hal ini dijelaskan oleh Ibn Khaldun (1967, p. 287) bahawa kesukaran kehidupan semasa pembentukan dinasti yang bergantung kepada *‘aşabiyyah* dan keberanian semakin pudar menyebabkan dinasti tersebut merosot, yang kemudiannya akan musnah. Perkara-perkara ini akan mempengaruhi generasi seterusnya sehingga menyebabkan hilangnya aspek penting dalam pembentukan sesebuah tamadun secara keseluruhannya yang akan menyebabkan musnahnya dinasti tersebut semasa fasa seterusnya. Maka berdasarkan penjelasan ini dapat dinyatakan bahawa penyakit-penyakit tamadun semakin merebak disebabkan cara hidup yang melalaikan dalam masyarakat sesebuah tamadun sehingga menghapuskan nilai-nilai yang penting di dalam pembentukan dan kelangsungan sesebuah tamadun.

(e) Fasa Kelima: Kemusnahan dan Kehancuran Dinasti

Akhir sekali, fasa kemusnahan atau kehancuran tamadun merupakan fasa yang kelima atau fasa terakhir. Hal ini demikian kerana dalam fasa inilah sesebuah ketamadunan atau kerajaan pemerintah lemah dalam pelbagai aspek secara keseluruhannya. Tidak dapat dinafikan bahawa fasa ini merupakan kesinambungan daripada fasa sebelumnya yang memperlihatkan “penyakit-penyakit” tamadun mula timbul dan semakin

merebak merosakkan sesebuah tamadun. Perkara-perkara negatif pada fasa sebelumnya semakin bertambah teruk sehingga melemahkan pemerintahan sesebuah dinasti. Misalnya, penglibatan golongan yang jahat di dalam tampuk pemerintahan dan golongan yang disanjung rakyat akan dijatuhkan (Ibn Khaldun, 1986). Golongan ini lahir dan terlibat di dalam tampuk pemerintahan tersebut disebabkan oleh kebiasaan kehidupan mewah dan pengabaian aspek penting pembentukan sesebuah ketamadunan khususnya dari aspek *'aṣabiyyah*.

Pemimpin dalam fasa yang kelima ini mewarisi segala perkara yang terdapat pada pemimpin di fasa kemerosotan, iaitu fasa sebelumnya, kerana jurang antara pemimpin pada fasa ini sangatlah jauh dengan pemimpin yang menjadi pendiri dinasti tersebut, menyebabkan pemimpin pada fasa ini tidak dapat mencontohi sifat dan nilai kebaikan yang dimiliki oleh pemimpin pada fasa pertama dinasti. Pemimpin generasi keempat pada fasa sebelumnya sememangnya telah kehilangan prestijnya kerana perkara tersebut hanya dapat bertahan sehingga generasi ketiga di fasa kegemilangan (Ibn Khaldun, 1967, p. 345). Segala permasalahan yang dialami pada fasa sebelumnya tidak dapat dibaiki oleh pemimpin di fasa ini. Hal ini demikian kerana kerosakan kepimpinan dinasti tersebut dari segi kepimpinan mahupun *'aṣabiyyah* menyebabkan pemimpin di fasa ini digulingkan oleh subjeknya sendiri atau tidak dapat mempertahankan pemerintahannya daripada tuntutan pihak lain untuk menguasai dinastinya. Maka, fasa ini kemudian memperlihatkan dinasti berada di dalam keadaan yang sangat lemah dan dapat dihancurkan dengan mudah melalui konflik dalaman mahupun konflik luaran. Jelaslah bahawa fasa ini merupakan fasa kehancuran sesebuah dinasti selepas menghadapi wabak penyakit tamadun pada fasa sebelumnya yang tidak dapat dipulihkan oleh pemimpin itu sendiri sehingga menyebabkan kehancuran tidak dapat dielakkan.

Analisis Tamadun Mesir Purba Berdasarkan Teori Ibn Khaldun

Tamadun Mesir Purba merupakan salah satu tamadun dunia yang terkemuka yang dapat dilihat melalui pelbagai aspek perkembangan yang dicapai oleh tamadun ini. Perbincangan mengenai perkaitan teori kitaran Ibn Khaldun dan tamadun Mesir Purba ini tidak dilakukan secara kronologi mengikut tempoh-tempoh yang sering dibahagikan oleh para

sarjana seperti *Early Dynastic Period*, *Old Kingdom*, *Middle Kingdom*, *New Kingdom* dan *Intermediate Period* yang terdapat dalam setiap peringkat. Sebaliknya, perbincangan dalam bahagian ini akan menggabungkan tempoh-tempoh tersebut bagi memudahkan analisis teori kitaran tamadun Ibn Khaldun dilakukan terhadap tamadun Mesir Purba yang mempunyai sekurang-kurangnya 31 buah dinasti sebelum menjadi jajahan di bawah tamadun lain.

(a) Fasa Pengasasan

Fasa awal atau permulaan ini dapat dilihat melalui perpindahan penduduk ke kawasan-kawasan lembah sungai. Hal ini demikian kerana kawasan-kawasan tersebut amat penting kepada manusia untuk meneruskan kehidupan mereka melalui kegiatan pertanian, perikanan dan penempatan. Dalam fasa ini dapat menunjukkan bermulanya penempatan masyarakat di kawasan lembah Sungai Nil. Fasa ini dapat dilihat sekitar tahun 3400 S.M. sehingga 2055 S.M. yang memperlihatkan peralihan kuasa daripada dinasti 0 kepada dinasti ke-11 atau zaman ini sering dikaitkan dengan zaman pra-dinasti dan dinasti di peringkat awal. Ketika zaman pra dinasti (3400 S.M.–3000 S.M.) sehingga dinasti kedua (2890 S.M.—2686 S.M) telah memperlihatkan usaha untuk menyatukan tanah Mesir iaitu Utara dan Selatan Mesir di bawah satu pemerintahan. Awalnya, perkembangan di kawasan “Upper Egypt” yang merangkumi Naqada, Hierakonpolis dan Abydos telah membawa kepada usaha penyatuan wilayah Mesir oleh *King Scorpion* yang merupakan pemerintah pada pra-dinasti sekitar 200 tahun. Penyatuan wilayah utara dan selatan ini hanya berlaku sekitar 3100 S.M. semasa pemerintahan Menes yang berjaya untuk menakluk kawasan-kawasan tersebut (Nagle, 1979). Kemudian pusat pemerintahan telah pun dipindahkan ke kawasan Memphis kerana di kawasan inilah pertemuan antara wilayah utara dan wilayah selatan Mesir.

Pada fasa ini juga terbentuknya sistem hierarki dalam susun lapis masyarakat yang meletakkan golongan elit berada di atas kerana golongan ini mempunyai pelbagai kelebihan berbanding dengan masyarakat yang lain (Van de Mieroop, 2011). Golongan tersebut diletakkan di dalam susun lapis masyarakat selepas kedudukan pemerintah kerana peranan mereka adalah untuk berkhidmat bagi menggerakkan jentera pentadbiran negara. Dalam fasa ini diperlihatkan bahawa pegangan terhadap kepercayaan

sebelumnya masih kukuh misalnya dengan bukti-bukti ritual pengebumian. Misalnya, Narmer merupakan pemerintah pra-dinasti telah dikuburkan di Abydos dan isterinya di Naqada. Terdapat juga perkembangan yang berlaku dalam fasa ini seperti perkembangan sistem tulisan. Buktinya melalui sistem penulisan yang menggunakan sistem tulisan *Hieroglyphic*. Perkara ini diperkukuhkan lagi dengan pandangan daripada Van de Mierop (2011, p. 43) mengatakan bahawa:

“The invention of hieroglyphic writing as it would be used for millennia in Egypt took place in Late Predynastic and Early Dynastic times.”

Pernyataan tersebut dapat disebutkan sebagai sebuah perkembangan dalam tamadun Mesir Purba pada fasa awal dinasti ini. Malah, perkara ini turut dijelaskan bahawa perkembangan sistem tulisan inilah yang kemudiannya mempercepatkan perkembangan dan pembangunan pada fasa berikutnya. Melalui hal ini jelaslah bahawa fasa ini terletak di fasa awal yang memperlihatkan pemerintah mengambil kira aspek *‘aṣabiyyah* dalam melakukan penyatuan dan mengekalkan wilayah kekuasaannya melalui sistem hierarki yang terdapat dalam susun lapis masyarakat. Hal ini demikian berlaku disebabkan oleh pengaruh daripada pegangan agama dan kepercayaan yang masih kukuh dalam kalangan masyarakat dan pemerintah.

(b) Fasa Perluasan Kuasa

Seterusnya, fasa perkembangan merupakan fasa yang menggariskan perkembangan dalam pelbagai aspek yang terdapat dalam pembangunan tamadun. Perkara ini berlaku melalui hubung kait dengan fasa sebelumnya. Pada fasa ini, pemerintah lebih memperlihatkan bahawa ia berusaha untuk memperkukuhkan dan memperluaskan kekuasaannya dari segi pengaruh dan wilayahnya. Sekitar 2680 S.M. sehingga 1650 S.M. diperlihatkan bahawa pemerintah Mesir mula untuk membangunkan pelbagai perkembangan dalam pelbagai aspek khususnya aspek pembangunan. Contohnya, pembinaan piramid bermula dengan dinasti ketiga sehinggalah dinasti kelima yang mengambil masa sekitar 325 tahun. Antara piramid-piramid tersebut di bina di kawasan-kawasan Giza, Khafra, Medium dan Dahshur. Pembinaan piramid-piramid ini adalah bagi tujuan untuk memperlihatkan kekuasaan dan kejayaan pemerintah (Van de Mierop,

2011). Selain itu, Memphis yang sebelum ini menjadi pusat perkembangan dijadikan sebagai pusat pengebumian golongan kerabat diraja semasa dinasti ketiga. Permulaan kepada pembinaan piramid pada zaman ini adalah semasa pemerintahan Raja Sneferu iaitu semasa dinasti ke 4 dan perkara ini berterusan sehingga ke dinasti selepasnya.

Percubaan untuk meningkatkan kekuasaan secara jelas mula kelihatan semasa dinasti kelima yang membawa konsep yang baharu melalui pembinaan piramid yang berasaskan Tuhan Matahari. Perkara ini turut dijelaskan oleh Van de Mierop (2011) yang mengatakan bahawa perkaitan Ra (dewa matahari) dengan pemerintah amat jelas pada dinasti ke-5 yang diperintah oleh Raja Userkaf (2494–2345 S.M.), Raja Nyusera (2445–2421 S.M.) dan Raja Unas (2375–2345 S.M.). Ketiga-tiga raja ini sering dikaitkan dengan Ra (Dewa Matahari) secara simbolik dalam setiap pembangunan yang telah mereka bangunkan. Jika sebelum ini kepercayaan masyarakat Mesir Purba adalah kepada Horus dan Osiris, maka dengan adanya konsep Ra ini telah memperlihatkan perkaitan simbolik antara Horus dan Osiris. Berdasarkan pendapat Nagle (1979, p. 11-12), beliau mengatakan bahawa:

“At the beginning of the Old Kingdom, this administration was highly centralized, with the pharaoh clearly the dominant power, but toward the end his influence declined, and the provincial officials began act as feudal lords in their own right.”

Perkara ini telah menerangkan mengenai kekuasaan yang dimiliki oleh pemerintah di zaman kerajaan lama yang berkuasa mutlak. Perkara ini kemudiannya membawa kepada kemerosotan kerajaan ini. Hal ini tidak dimasukkan di dalam fasa kemerosotan mahupun fasa kejatuhan kerana selepas zaman ini menyaksikan bahawa kegemilangan tamadun Mesir Purba ini lebih jelas kelihatan semasa zaman pemerintahan kerajaan Pertengahan atau *Middle Kingdom*. Oleh itu, perkara ini hanya bertujuan untuk memperlihatkan usaha yang dilakukan oleh pemerintah untuk mengambil autoriti kekuasaan secara menyeluruh. Maka, jelaslah bahawa zaman ini dimasukkan ke dalam fasa kedua dalam teori kitaran Ibn Khaldun kerana jelas diperlihatkan bahawa kegiatan perluasan kuasa yang dilakukan oleh pemerintah daripada dinasti pada masa ini adalah bertujuan

untuk meningkatkan kekuasaan mereka kepada kekuasaan yang bersifat mutlak atau dengan kata lain bersifat kuku besi.

(c) Fasa Kematangan

Di samping itu, fasa kematangan merupakan fasa yang dapat memperlihatkan kegemilangan sesebuah tamadun dari pelbagai aspek yang digariskan di dalam aspek tamadun. Misalnya dari segi ilmu pengetahuan, struktur susun lapis masyarakat, perkembangan sektor ekonomi, keagamaan dan penempatan serta keseimbangan dalam sistem pemerintahan. Dapatlah dikatakan bahawa fasa ini merupakan fasa yang menunjukkan kemuncak sesebuah tamadun dengan pencapaian-pencapaian dalam pelbagai bidang. Dalam fasa ini akan diperlihatkan penggantian dinasti sebelumnya. Perkara tersebut tidak dimasukkan ke dalam fasa kejatuhan disebabkan penggantian tampuk kepimpinan dinasti Mesir Purba masih berada di dalam kekuasaan orang Mesir sendiri. Oleh sebab itu, penggantian zaman kerajaan lama kepada kerajaan pertengahan dimasukkan ke dalam fasa kematangan yang akan memperlihatkan usaha-usaha dalam membaik pulih sistem pentadbiran dan membawa perkembangan di dalam tamadun Mesir Purba. Fasa kematangan ini mencakupi kerangka masa daripada Kerajaan Pertengahan (2345 S.M.) sehinggalah pada awal dinasti ke 13 iaitu (1773 S.M.).

Sepanjang tempoh ini akan diperlihatkan usaha-usaha yang dilakukan oleh para pemerintah dari dinasti ke-11 sehingga dinasti ke-13 yang sedikit sebanyak membawa perkembangan ke dalam tamadun ini. Fasa ini bermula semasa peralihan kuasa kepada Raja Mentuhotep II yang berjaya mengalahkan musuh kepada dinasti ke-10 (Van de Mieroop, 2011). Hal ini demikian seterusnya telah menyebabkan Mentuhotep II telah memperbaiki segala kerosakan yang ada di Mesir dan dikatakan bahawa semasa pemerintahan Mentuhotep II ini sebagai dinasti ke-11 merupakan fasa perkembangan ke arah kemuncak dinasti. Dinasti ke-11 ini telah membawa Mesir Purba ke peringkat zaman kerajaan pertengahan. Hal ini demikian kerana pada dinasti ke-11 telah menunjukkan penyatuan-penyatuan wilayah utara dan selatan semula menjadi sebuah kerajaan seperti sebelumnya sebagai usaha yang teragungnya sehinggakan menggelarkan dirinya sebagai Sematawy (penyatu dua wilayah) (Van de Mieroop, 2011). Usaha ini dilakukan semula disebabkan oleh dinasti

sebelumnya, kira-kira sekitar 2134–2040 S.M., yang memperlihatkan bahawa pada pemerintahan Pepy II, Mesir Purba, telah berlaku kekacauan dalam negeri-negeri tertentu disebabkan oleh pertambahan penduduk dan sumber yang semakin berkurangan, yang kemudiannya memberikan impak kepada pemerintahan tempatan (*nomarchs*). Perkara ini disebutkan oleh Scarre dan Fagan (1997, p. 106):

“Egypt became a land in turmoil, a patchwork of competing kingdoms, as long-distance trade with the Levant dried up and the exploitation of mines in the Sinai Desert ceased.”

Dalam perkara ini telah menunjukkan segala permasalahan dan kerosakan yang telah berlaku telah menyebabkan kebangkitan dinasti ke 11 bagi membaik pulih keadaan seperti dinasti sebelum itu. Dalam fasa ini, dinasti yang amat jelas memperlihatkan perubahan dalam membangunkan tamadun Mesir Purba ini adalah semasa dinasti ke-12, iaitu ketika Raja Amenemhat I memerintah sekitar 1985 S.M. Dinasti ini berakhir ketika Permaisuri Sobekneferu sekitar tahun 1777 hingga 1773 S.M. Usaha-usaha yang dilakukan oleh pemerintah pada dinasti ini adalah berfokuskan kepada pengekaluan penyatuan kedua-dua wilayah (Utara dan Selatan). Melalui perkara ini, Amenemhat I menempatkan pusat pemerintahannya di kawasan Ijt-tawi yang berdekatan dengan kawasan Herakleopolis (Van de Mierop, 2011). Tujuan perubahan pusat pemerintahan ini adalah bagi memastikan kekuasaannya seimbang di utara dan di Mesir Selatan kerana kawasan tersebut terletak di antara kedua-dua wilayah itu. Seterusnya, usaha ini diteruskan oleh pemerintah atau Firaun seterusnya daripada dinasti ke-12 juga iaitu Senusret II. Senusret II telah memfokuskan dalam aspek pertanian.

Hal ini, jika dilihat semula semasa penghujung zaman kerajaan lama Mesir Purba, masalah dari aspek sumber makanan ini merupakan punca perpecahan dan pemisahan antara wilayah Utara dan Selatan. Usaha dalam meningkatkan produktiviti pertanian melalui sistem tali air bagi meningkatkan hasil pertanian. Tambahan pula, usaha yang dilakukan bagi menjamin keamanan dan kesejahteraan bagi kedua-dua wilayah pemerintah adalah melalui pembinaan kubu di kawasan-kawasan yang strategik bagi mengawal kegiatan yang melibatkan peralihan keluar masuk ke dalam wilayah kekuasaan Mesir. Manakala dari aspek ilmu pula, dapat

dilihat bahawa wujudnya karya-karya sastra yang menceritakan mengenai sejarah-sejarah dinasti sebelum Zaman Pertengahan ini. Antaranya seperti *Tale of Sinuhe*, *the Prophecy of Neferty* dan *Teaching of King Amenemhat I* (Van de Mierop, 2011). Perkara ini digunakan oleh Kerajaan Baru sebagai salah satu sumber rujukan yang amat penting dari aspek ilmu pengetahuan. Jelas bahawa zaman-zaman tersebut diletakkan di dalam fasa kematangan disebabkan pelbagai perkembangan telah dilakukan pada zaman ini bagi membaiki dan memperkembangkan kerajaan ini dalam aspek yang luas, yakni dari aspek pembangunan, aspek pengetahuan mahupun aspek masyarakat.

(d) Fasa Kemerostan

Fasa yang terbentuk selepas fasa kematangan ialah fasa kemerostan. Fasa ini memperlihatkan wujudnya atau munculnya penyakit-penyakit yang dapat menghancurkan sesebuah ketamadunan sama ada daripada pemerintah itu sendiri atau rakyat. Dalam fasa ini akan dibincangkan mengenai kemerostan tamadun Mesir Purba yang bermula pada penghujung dinasti ke-13 (1700 S.M.) kepada kelahiran kerajaan dinasti ke-18 (1550 S.M.) seterusnya kepada Revolusi Amarna (1390 S.M.). Semasa penghujung dinasti ke-13 sehingga ke-17 yang sering dikaitkan oleh para sejarawan sebagai Zaman Hyksos. Pemerintahan Hyksos ini bermakna pemerintahan orang asing yang sebelum ini hidup bersama-sama dengan orang Mesir.

Pemerintahan ini dimasukkan ke dalam fasa kemerostan kerana penglibatan orang asing dalam tampuk pemerintahan jelas terlihat, walaupun selepas ini digantikan dengan pemerintahan daripada kalangan orang Mesir semula, perkara tersebut tidak bertahan lama. Dalam hal ini akan diperlihatkan sedikit sebanyak mengenai tiga zaman pemerintahan tersebut (Hyksos, permulaan dinasti ke-18 dan Revolusi Amarna) yang dikaitkan dengan fasa kemerostan tamadun ini. Tampuk pemerintahan dipegang oleh Hyksos kerana kekalahan Mesir pada penghujung dinasti ke 13 telah memperlihatkan persaingan kuasa antara kuasa Mesir dengan kuasa dari Nubia yang merupakan wilayah takluk Mesir itu sendiri. Perkara ini dinyatakan oleh Kuiper (2011, p. 57):

“The increasing competition for power in Egypt and Nubia crystallized in the formation of two new dynasties: the 15th, called the Hyksos (c. 1630–c 1523 BC), with its capital at Avaris (Tell el-Dab’a) in the delta, and the 17th (c. 1630–1540 BC), ruling from Thebes.”

Perkara ini berlaku disebabkan kelemahan oleh dinasti ke-13 telah memberikan peluang kepada golongan Hyksos untuk merampas kawasan di bahagian Mesir Utara (Bahagian Bawah). Walaupun pemerintahan Hyksos ini diletakkan di dalam fasa kemerosotan namun amatlah sukar untuk disangkal bahawa pemerintahan Hyksos turut membawa perkembangan tetapi berbeza dengan pemerintahan sebelum ini. Hal ini demikian kerana golongan ini memerintah dengan cara menggabungkan sistem pemerintahan sebelum ini, yakni semasa zaman Mesir dengan kebudayaan mereka. Misalnya, pengenalan kepada idea baharu, teknologi gangsa, perdagangan perak daripada lombong Asia, ukiran bergaya Minoan, dan senjata peperangan yang baharu seperti busur panah yang lebih kuat, bentuk pedang dan pisau yang baharu serta kereta kuda yang berlainan (Scarre & Fagan, 1997). Seterusnya, zaman Kerajaan Baru sekitar tahun 1550 sehingga 1070 S.M. Zaman ini bermula semasa pimpinan pemerintah Ahmose.

Kejayaannya menghapuskan pemerintah Hyksos merupakan salah satu kejayaan untuk kerajaan Mesir Purba kerana tampuk pemerintahan beralih semula kepada kepimpinan negara itu. Semasa pemerintahan Ahmose, dasar kerajaan Mesir adalah bersifat ketenteraan yang menitikberatkan institusi ketenteraan dan pertahanan negara (Van De Mierop, 2011). Perkara ini berkait dengan peristiwa sebelum ini yang telah memperlihatkan kejatuhan dinasti ke-13 disebabkan kelemahan pemimpinnya dan ketenteraan. Bermulanya kepimpinan Ahmose ini pada zaman Kerajaan Baru, maka dasar tersebut diistimikan sehinggalah 1390 S.M. oleh Raja Thutmose IV. Peralihan semula takhta kepada pemimpin asal kerajaan ini merupakan sebuah kejayaan akan tetapi sikap pemerintah yang keterlaluan dalam meluaskan kekuasaan sehingga seringkali membawa kerajaan ini ke kancah peperangan menyebabkan zaman ini dimasukkan ke dalam zaman kemerosotan kerana disebabkan dasar ketenteraan yang telah diperkenalkan membawa kepada kesan yang lebih buruk bagi kerajaan ini. Fasa kemerosotan kerajaan ini dapat dilihat pada penghujung dinasti ke-18 dengan berlakunya Revolusi Amarna.

Perkara ini adalah disebabkan kepercayaan mereka sebelum ini bersifat politeisme yang menyembah pelbagai dewa-dewi, tetapi semasa pemerintahan Raja Amenhotep III dan Raja Amenhotep IV telah memperkenalkan sebuah idea baru, iaitu mengecualikan tuhan-tuhan yang lain untuk disembah (Van de Mieroop, 2011). Perkara ini berlaku disebabkan raja tersebut ingin disembah seperti Tuhan yang satu-satunya. Perkara ini telah dinyatakan oleh Scarre dan Fagan (1997, p. 111):

“We do not know why Akhenetaten altered the sacred canon, but the art of his day suggests that he regarded himself and his family as the sole intermediaries between the people and the sun god. Akhenaten expected to be adored like a god.”

Perkara ini semakin teruk apabila idea tersebut mula diperkenalkan di kawasan Amarna. Hal ini demikian kerana penduduk di kawasan ini tidak percaya kepada perkara-perkara tahayul atau yang disebutkan sebagai dewa-dewa mahupun tuhan. Walaupun demikian, idea ini terus berkembang kepada pemerintah seterusnya iaitu Tutankhamun. Semasa Tutankhamun pergi ke Nubia pada tahun 1323 untuk menjalankan kempen di Syria telah menyebabkan Tutankhamun mati terkena anak panah di bahagian telinganya (Scarre & Fagan, 1997). Perkara ini kemudiannya telah menyebabkan pemerintahan kembali kepada sebelumnya kerana idea yang dibawa oleh Amenhotep atau Akhenetaten telah memperlihatkan masyarakat tidak bersetuju dengan perkara tersebut. Dalam hal ini jelaslah bahawa fasa kemerosotan yang dikaitkan dengan tiga zaman ini adalah disebabkan kelemahan daripada luntarnya sikap *‘aşabiyyah* yang menyebabkan perpecahan wilayah termasuklah masyarakat disebabkan oleh sikap pemimpin itu sendiri dan sikap pemimpin yang berasa selesa serta leka selepas berjaya menguasai wilayah di sekitar melalui peperangan dengan bertindak sewenang-wenangnya tanpa mengukuhkan *‘aşabiyyah* di kawasan tersebut. Maka perkara ini jelas menunjukkan zaman-zaman tersebut terletak di fasa kemerosotan bagi tamadun Mesir Purba.

(e) Fasa Kemusnahan/Kejatuhan

Akhir sekali, fasa kemusnahan atau kejatuhan. Fasa ini menunjukkan kejatuhan atau kemusnahan sesebuah tamadun disebabkan oleh berbagai

faktor, terutamanya faktor-faktor yang terdapat sejak fasa sebelumnya lagi, iaitu fasa kemerosotan. Fasa ini merupakan hasil daripada fasa sebelumnya. Dalam fasa ini, zaman yang akan difokuskan adalah Dinasti ke-19 yang digelar sebagai Empayar atau Kerajaan Rameses, yang merupakan salah satu dinasti yang dibentuk bagi menggantikan Dinasti ke-18. Dinasti Rameses ini bermula sekitar tahun 1295 S.M. yang diketuai oleh Raja Rameses I. Dinasti ini dikaitkan dengan fasa kemusnahan selepas kematian Raja Rameses II sekitar 140 tahun yang telah memperlihatkan berlakunya pergolakan dalaman negara yang melibatkan perang saudara, rompakan di rumah agama dan makam, penyeludupan sumber negara, dan jenayah-jenayah lain (Van de Mieroop, 2011). Perkara ini berlaku disebabkan oleh hilangnya nilai pemerintah dalam kalangan rakyat. Perkara ini semakin bertambah teruk apabila ekonomi semakin mundur, gejala rasuah berlaku dan raja tidak mampu untuk memberikan segala keperluan kepada rakyat terutamanya dari segi sumber makanan.

Perkara ini ditambah lagi dengan tekanan-tekanan dari luar seperti daripada orang-orang Libya dan orang laut serta dasar tutup pintu yang dilakukan telah membawa kepada perpecahan wilayah-wilayah di dalam negara ini seperti Nubia. Perkara ini tidak dapat dipulihkan oleh pemerintah Mesir Purba pada masa itu, iaitu Raja Rameses IV, yang kemudiannya membawa kepada kebangkitan Nubia yang memerintah Mesir. Takluk pemerintahan ini terus silih berganti selepas itu kepada Assyria, Parsi, Yunani dan Rom. Hal ini jelas memperlihatkan bahawa zaman dinasti ke-19 merupakan zaman yang berakhir dengan pemerintahan daripada kuasa asing dalam tempoh yang panjang berbanding semasa zaman Hyksos yang dapat memperlihatkan kebangkitan Mesir Purba. Maka jelaslah bahawa dinasti ke-19 berada di dalam fasa kejatuhan atau kehancuran disebabkan kelemahan sifat pemimpin yang tidak dapat menyelesaikan masalah dalaman negara. Perkara ini ditambah lagi dengan tekanan daripada kuas-kuasa luar telah mempercepatkan lagi kejatuhan dinasti Rameses ini.

Kesimpulan

Berdasarkan analisis dalam makalah ini, dapat dilihat bahawa teori kitaran yang diperkenalkan oleh Ibn Khaldun sesuai digunakan dalam penilaian

tamadun termasuklah tamadun Mesir Purba ini. Ia dapat dipaparkan dalam Rajah 1 berikut.

Rajah 1.

Lima Fasa Teori Kitaran Tamadun Ibn Khaldun dan Inti Pati daripada Tamadun Mesir Purba



Tambahan pula, kerajaan Mesir Purba yang terbentuk melalui perkembangan-perkembangan memerlukan jangka masa yang panjang bagi memperlihatkan kitaran ketamadunan tersebut berlaku disebabkan oleh penggantian tampuk pemerintahan bahkan penerusan dasar dan pemerintahan sebelumnya melalui penggantian dinasti. Tamadun Mesir Purba telah musnah selepas pendudukan kuasa-kuasa asing seperti Assyria, Parsi, Yunani dan Rumawi yang telah memerintah Mesir dalam tempoh masa yang panjang dan disebabkan kelemahan dalam pelbagai

perkara. Maka, hal ini secara langsung menyebabkan kesukaran untuk bangkit menentang penaklukan tersebut. Oleh itu, jelaslah bahawa teori yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah* merupakan sebuah teori yang dapat menilai perkara-perkara penting yang berlaku dalam sesebuah tamadun berdasarkan fasa atau peringkat yang telah ditetapkan. Hal ini telah diperlihatkan melalui perkaitan tamadun Mesir Purba tidak terlepas daripada melalui teori kitaran yang telah disebutkan oleh Ibn Khaldun. Hal ini demikian kerana, Ibn Khaldun memandang sesebuah tamadun sama seperti manusia yang mempunyai umur dan fasa-fasa dalam kehidupan. Maka dalam hal ini telah mencapai matlamat utama penulisan ini untuk mengenal pasti teori kitaran Ibn Khaldun dalam karya *Muqaddimah* dan melakukan analisis dalam perkaitan teori ini dengan tamadun Mesir Purba.

Penghargaan

Penghargaan khas ditujukan kepada pihak Universiti Sains Malaysia (USM) yang telah membiayai penulisan makalah ini melalui Geran Bridging USM dengan nombor projek: R501-LR-RND003-0000001325-0000.

Rujukan

- Che Haslina Abdullah. (2013). Pembinaan tamadun Islam seimbang melalui psikologi Islam. *Jurnal Hadhari*, 5(1), 199–213. <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2013-0501-12>
- Garrison D. H. (2012). *Ibn Khaldun and the modern social sciences: A comparative theoretical inquiry into society, the state, and revolution* (Master's thesis, University of Denver). <https://digitalcommons.du.edu/etd/231>
- Ibn Khaldun. (1967). *The Muqaddimah: An introduction to history* (F. Rosenthal, Trans.). Princeton University Press.
- Ibn Khaldun. (1986). *Muqaddimah Ibn Khaldun* (Ahmadie Tahoha, Trans.). Pustaka Firdaus.

- Kiger, M. E., & Varpio, L. (2020). Thematic analysis of qualitative data: AMEE Guide No. 131. *Medical Teacher*, 42(8), 846–854. <https://doi.org/10.1080/0142159X.2020.1755030>
- Kuiper, K. (Ed.). (2011). *Ancient Egypt: From prehistory to the Islamic conquest*. Britannica Educational Publishing.
- Lutpi Ibrahim. (1993). *Antologi pemikiran Islam*. HIZBI Sdn Bhd.
- Nagle, D. B. (1979). *The ancient world: A social and cultural history*. Prentice Hall.
- Önder, M. & Laşa, F. (2018). Ibn Khaldun's cyclical theory on the rise and fall of sovereign power: The case of the Ottoman Empire. *Adam Akademi*, 8(2), 231–266. <https://doi.org/10.31679/adamakademi.453944>
- Saunders, M., Lewis, P., & Thornhill, A. (2009). *Research methods for business students* (5th ed.). Pearson Education Limited.
- Scarre, C. & Fagan, B. M. (1997). *Ancient civilizations*. Longman.
- Van de Mierop, M. (2011). *A history of ancient Egypt*. Wiley-Blackwell.